

04/08/2003

Timbang tara dipercepat: PM (HL)

Mokhtar Alias; Hussain Said

PORT DICKSON: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, proses timbang tara untuk menyelesaikan penetapan harga air yang dijual Malaysia kepada Singapura akan dibuat secepat mungkin.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, Malaysia yakin republik itu akan cuba melengahkan-lengahkannya.

Beliau berkata, Singapura berharap menerusi tindakan melengahkan proses itu, ia akan dapat melambatkan lagi masa sehingga tamat perjanjian pada 2011.

Sekalipun sudah menduga niat sebenar pemimpin negara berkenaan, kerajaan tetap akan meneruskan proses timbang tara seberapa cepat yang boleh.

"Timbang tara akan dibuat secepat mungkin, saya yakin Singapura akan cuba melengahkan kerana mereka harap bila sampai 2011 akan tamatlah perjanjian," kata Dr Mahathir ketika ditemui pada majlis Hari Keluarga Pejabat Perdana Menteri di Kondominium Peranginan Tenaga Nasional Bhd dan pekarangan Hotel Guoman Resort, dekat sini, semalam.

Isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis adalah antara kenamaan yang turut hadir.

Perdana Menteri ditanya lebih lanjut pengumuman beliau Jumaat lalu bahawa semua pintu rundingan berhubung penetapan harga air sudah tertutup dan perlu diselesaikan menerusi proses timbang tara.

Pada masa sama, media Singapura terus memburukkan negara ini, termasuk laporan terbaru sebuah akhbar berbahasa Cina Singapura, Lianhe Zao Bao bertajuk "Tunku Abdul Rahman dicemar secara tidak langsung".

Akhbar berkenaan melaporkan ahli politik Malaysia sekarang mencemarkan imej Tunku - "Sebuah perjanjian yang telah ditanda tangani oleh Tunku telah dimomokkan sebagai tidak bijak dan efisien, ini tidak adil bagi sejarah Tunku."

Dr Mahathir berkata, Singapura sengaja menimbulkan isu seumpama ini dalam usaha mengalihkan perhatian kepada soal lain.

"Isu sebenar ialah harga air tiga sen, dulu kita tak ada kuasa, jadi kita nak timbang juga masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Singapura ketika kita nak runding, kita terang dah semua ini," kata beliau.

Beliau berkata sebenarnya kerajaan tidak perlu memberi penerangan berhubung penetapan harga air itu, sebaliknya negara berkenaan yang memulakan tuduhan tidak berasas, termasuk dikeluarkan oleh Menteri Luar Singapura, S Jayakumar di Parlimen.

Dr Mahathir berkata, Singapura juga mengeluarkan dan mendedahkan surat sulit pemimpin tertinggi kedua negara yang tidak sepatutnya dilakukan dan membuat buku untuk memburukkan negara.

Oleh itu, Perdana Menteri berkata, negara ini perlu memberi penjelasan sebenar melalui langkah terbaru menyiarkan iklan dalam akhbar.

"Kita cuma nak terang yang benar saja, tidak ada yang lain," kata nya.

Menjawab perkara yang dibangkitkan oleh akhbar sama yang mengatakan perjanjian air untuk membantu Malaysia yang miskin untuk memperoleh pendapatan yang besar, beliau berkata ini menunjukkan mereka tidak mengetahui jumlah pendapatan negara.

"...dia tak tahu kita punya pendapatan, kita cuma pegang pada prinsip. duit ini, tiga sen tak bayar pun tak apa.

"Tapi dari segi prinsip, kalau kita jual barang, bila beli barang, hendaklah dengan harga berpatutan," kata Dr Mahathir.

Ditanya mengenai dakwaan negara ini sengaja mahu menetapkan harga air yang lebih mahal untuk menyekat pembangunan Singapura, Perdana Menteri berkata:

"... (kalau) kita jumlah semua, kalau dia bayar 1,000 gelen, harga RM10 pun dia tak akan miskin.

"Singapura kaya, pendapatan per kapita dia \$24,000, kita cuma RM4,000 saja, macam mana kita nak bagi dia (kadar) itu, dia negara kaya," kata beliau.